

29/04/2003

Menyemarak obor menuntut keamanan

Azimi Daim

MENGAPA Ariel Sharon menjadi akar umbi ancaman utama terhadap keamanan dunia? Malah, daripada beberapa e-mel yang dikesan dalam internet sejak tahun lalu, ada yang berpendapat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berbahaya kepada kaum mereka. Maka, tidak mustahil wira keamanan

dunia itu memberi amaran, tiada negara yang terlepas daripada ancaman order baru dunia kini. Tidak terkecuali Malaysia diceroboh tentera rejim kuasa besar.

Sharon adalah bekas pegawai tentera yang terbabit dalam Tragedi Shabra

dan Shatila, kisah tentera rejim Israel membunuh kanak-kanak, wanita, orang tua dan pelbagai kelompok awam di khemah Palestin. Peristiwa hitam itu dirakamkan oleh Kumpulan Harmoni dan Zubir Ali dalam lagu puisi mereka.

Walaupun pelobi utama yang mempengaruhi Pentadbiran Amerika Syarikat di

Washington DC bukan Sharon, pegangan beliau membuatkan George W Bush `gila

perang'. (Sekurang-kurangnya tujuh pelobi utama itu berpangkalan di Washington DC, mereka tidak termasuk syarikat yang menaja usaha melobi).

Sharon percaya, beliau dapat mengatasi ancaman terhadap `keamanan' Israel

dengan membalas tiga pembunuhan rakyat Palestin bagi setiap satu tindakan

pengebom berani mati.

Namun `sifir' Sharon tidak tepat. Malah, setiap kali beliau membalas dendam pula, lebih ramai pengebom berani mati lahir. Demikian yang disebut

oleh Dr Mahathir, kekejaman tentera Israel di Palestin dan tindakan Amerika Syarikat di Cuba, Afghanistan, Yemen dan Iraq tidak menyelesaikan

masalah, sebaliknya menghangatkan semangat perjuangan mereka yang menjadi mangsa.

Maka, wajah Ya Yasmine, Ali Ismail Abbas dan rakan-rakannya yang kehilangan kaki, tangan dan ahli keluarga tidak membantutkan usaha mereka, malah menjadi obor perjuangan.

Namun, anak Malaysia sewajarnya menjadikan ia obor semarak perjuangan menuntut keamanan, membantah perang dan membenci usaha saintis dan penyelidik yang memajukan senjata pemusnah besar (WMD).

Pada masa sama, penelitian terhadap pemikiran Sharon dan pelobinya menyaksikan sikap tamak yang hanya mementingkan keamanan untuk Israel saja. Malah, sejak 1997, untuk menjamin keamanan, pelobi itu menyarankan Israel "bekerjasama rapat dengan Turki bagiengehad, menstabil semula, dan memulangkan sebahagian daripada ancaman berbahaya mereka ... menghapuskan keamanan komprehensif kepada konsep tradisi strategi berasaskan keseimbangan kuasa."

Kedua, mengubah hubungan dengan rakyat Palestin, mewujudkan hak bertindak mempertahankan diri di semua wilayah Palestin dan menyediakan pengganti kuasa Yasser Arafat di kalangan masyarakat Palestin.

"Sebagai asas baru hubungan Amerika Syarikat pula adalah tumpuan kepada
kendiri, kematangan, kerjasama strategik di pelbagai kawasan dua hala,
dan
meluaskan pemilikan ke Barat... hanya terlaksana dengan kesungguhan
Israel
menghapuskan bantuan yang juga menyekat pemulihan ekonomi (Palestin)."

Agenda Israel itu meliputi menerapkan pengaruh di kalangan Barat, khususnya Amerika, supaya memahami, menghayati, bersetuju dan bersependapat dengan pemikiran Israel sehingga Washington berasakan perkongsian matlamat. Akhirnya orang seperti Bush menegakkannya sebagai pendirian sendiri. Walhal pemikiran itu sudah lama diterapkan, iaitu keamanan untuk keamanan, keamanan menerusi kekuatan dan berdikari untuk keseimbangan kuasa.

Pendirian itu dirasionalkan sebagai niat suci, hak asasi, kebenaran dan
persediaan menerusi pelbagai istilah, termasuk serangan pencegahan (pre-emptive strike) dan pembebasan (liberation - seperti pencerobohan di Iraq).

Pemikiran sedemikian juga berbahaya jika pengetahuan strategik seperti Machiavellian, Sun Tzu mahupun silat disalah tafsirkan dan diamal berasaskan prasangka dan hasad. Bagi generasi baru, tentunya pemikiran ini
menjadi barah bangsa dan negara jika kemajuan, kebijaksanaan, pencapaian dan kecemerlangan anak muda dianggap ancaman kedudukan masing-masing.

Bagi sesetengah syarikat, organisasi dan persatuan, pemikiran ini menyebabkan seseorang atau kelompok tertentu ber`lawan'. Anak muda dianggap musuh kedudukan mereka, akhirnya rugilah agama, bangsa dan negara. Apakah kekuatan generasi baru dan apakah nasib bangsa itu kelak?